



PERKONGSIAN maklumat kini makin mudah dan tidak terhad kepada masyarakat atau sosiobudaya sama. - Gambar Google

GOL TINGKAT AKSES PEMBELAJARAN

Pembaharuan dalam pendidikan negara beri manfaat semua pihak

MENERUSI GOL, pelajar mudah memperoleh maklumat yang membantu dalam proses P&P. - Gambar Google



FOKUS

DARI MUKA 1

P&P itu juga sebahagian daripada pembaharuan dunia pendidikan negara yang menyasarkan perkongsian ilmu tanpa sempadan.

Pengarah Pusat Pengajaran dan Teknologi Pembelajaran (Pengajaran **Universiti Kebangsaan Malaysia**), Prof Datin Dr Mohamed Amin Embi berkata, transformasi itu bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia hab perdana globalisasi pembelajaran dalam talian (GOL).

sekali gus meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti.

Menurutnya, langkah itu selaras dengan perubahan global yang mahu melahirkan generasi berilmu hasil kemudahan mengakses ilmu tanpa sempadan daripada pakar terbaik dalam dunia pendidikan.

"Dulu tradisi memperoleh ilmu hanya secara sehalu atau dua hala dan tentunya perkongsian maklumat itu tidak menyeluruh."

"Sejajar dengan perkembangan pembelajaran dalam talian, proses P&P turut berubah dan akses maklumat makin meluas dan mudah. "Perubahan dan

kemudahan ini memberi kelebihan kepada semua pihak terutama pelajar, guru, pensyarah, ahli akademik atau sesiapa saja untuk berkongsi ilmu atau kepakaran," katanya.

Dr Mohamed Amin berkata, GOL juga dapat menyediakan penyampalan kursus yang cekap, membina jenama pendidikan negara dan meningkatkan kecemerlangan institusi pengajian tinggi (IPT).

"Menjadi IPT bermaksud mereka juga menjadi sandaran negara untuk membangunkan pelbagai ilmu selaras dengan kepakaran masing-masing.

"GOL boleh membantu merealisasikan hasrat itu khususnya dalam bidang tujahan dan kepakaran.

"Perkongsian menyampaikan maklumat tidak hanya terhad kepada masyarakat atau sosiobudaya sama tapi meluas tanpa kekangan," katanya.

Beliau berkata, menerusi pembelajaran dalam talian, pelajar akan memperoleh manfaat daripada penggunaan pelbagai prasarana siber, antaranya MOOC (Kursus Terbuka Dalam Talian Secara Besar-Besaran).

"MOOC ialah kursus dalam talian memabirakan penyertaan interaktif secara besar-besaran dan akses terbuka melalui laman web.

"Selain bahan kursus tradisional seperti video, bahan bacaan dan set masalah, MOOC juga menyediakan forum pengguna interaktif yang membantu membina masyarakat kepada pelajar dan tenaga pengajar.

"Kaedah ini relevan dengan keperluan global selain memudahkan mana-mana pihak melakukan perkongsian atau mengakses maklumat dikehendaki," katanya.

Beliau berkata, MOOC juga boleh digunakan untuk menjelaskan konsep asas dan pemahaman dalam sesuatu bidang.

"Lebih menarik, semua kursus ini adalah percuma dan hanya perlu memperuntukkan masa sesuai untuk mengaksesnya," katanya.



Menjadi IPT bermaksud mereka juga menjadi sandaran negara untuk membangunkan pelbagai ilmu selaras dengan kepakaran masing-masing

DR MOHAMED AMIN